

WP 8.2	KEMUDAHAN BANTUAN BAYARAN YURAN PENDAFTARAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
--------	---

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
A. UMUM		
1.	Adakah kemudahan ini diberikan kepada semua kumpulan perkhidmatan?	<p>Tidak.</p> <p>Kemudahan ini merupakan dasar sedia ada yang diberikan kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional bertujuan untuk meningkatkan interaksi pegawai dengan rakan sejawat di sektor swasta seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 : Pelaksanaan Sistem Saran Baru (SSB) Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1992 serta selaras dengan hasrat dasar Pensyarikatan Malaysia seperti yang dinyatakan dalam PP Bilangan 7 Tahun 1992: Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkuat kuasa pada 1 April 1992.</p>
2.	Adakah pemakaian pekeliling ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkelayakan. Bagi pegawai tentera, pemakaian pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera?	<p>Pekeliling ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkelayakan. Bagi pegawai tentera, pemakaian pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera.</p>
3.	Adakah akta-akta lain yang membenarkan pegawai menerima Kemudahan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan di bawah WP8.2?	<p>Akta yang dinyatakan di dalam Pekeliling WP8.2 merupakan keperluan bagi mengesahkan bahawa kelab rekreasi dan sukan yang disertai ditubuhkan secara sah dan mempunyai premis untuk beroperasi selain pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan disediakan.</p> <p>Oleh itu, sekiranya terdapat akta yang meminda atau mengatasi akta-akta yang dinyatakan dalam pekeliling ini, maka akta tersebut boleh digunakan bagi mengesahkan penubuhan kelab tersebut.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	Apakah contoh sijil atau dokumen yang boleh diambil kira bagi mengesahkan bahawa kelab tersebut telah ditubuhkan secara sah di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan pindaan-pindaannya bagi penubuhan kelab sukan dan rekreatif.	<p>Pekeliling ini tidak menetapkan sebarang dokumen bagi pengesahan penubuhan kelab rekreatif dan sukan. Perkara ini adalah bergantung kepada kawalan dalaman agensi.</p> <p>Walau bagaimanapun, sebagai langkah kawalan dalaman, agensi boleh membuat semakan dengan Kelab tersebut atau *Suruhanjaya Syarikat Malaysia/ Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sama ada berdaftar secara sah dengan kedua-dua entiti tersebut.</p> <p>*semakan atas talian:</p> <p>https://www.ssm.com.my/Pages/e-Search.aspx</p> <p>https://www.ros.gov.my/www/portal-main/</p>
5.	Sekiranya kelab tersebut hanya menawarkan 2 jenis sukan sahaja contohnya sukan golf dan squash, adakah Pegawai layak menuntut bayaran balik yuran keahlian tersebut.	<p>Perenggan 4.3 pekeliling ini menyatakan bahawa kelab menyediakan pelbagai kemudahan rekreatif dan sukan di mana selain daripada sukan, kemudahan rekreatif seperti perpustakaan, rumah rehat, bilik teater dan sebagainya turut diambil kira. Ia tidak terhad kepada dua kemudahan sahaja.</p> <p>Sekiranya perenggan 4.3 tersebut dipatuhi, Pegawai layak menuntut kemudahan di bawah pekeliling ini.</p>
B. KELAYAKAN		
6.	Adakah pegawai boleh membuat tuntutan untuk keahlian keluarga sekiranya ditawarkan oleh Kelab berkenaan?	<p>Tidak.</p> <p>Tuntutan ini adalah untuk keahlian diri pegawai itu sahaja.</p>
7.	Sekiranya pasangan suami isteri berkhidmat dalam perkhidmatan awam dan ingin memohon, adakah kedua-dua individu tersebut boleh memohon?	<p>Ya.</p> <p>Kedua-dua pegawai layak memohon secara berasingan dan tertakluk kepada kelayakan serta syarat-syarat yang ditetapkan dalam pekeliling ini.</p> <p>Kemudahan ini diberikan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan dengan kerajaan.</p>
8.	Adakah pegawai lantikan kontrak layak menuntut kemudahan ini?	<p>Tidak.</p> <p>Kemudahan ini hanya diberikan kepada pegawai lantikan tetap selaras dengan perenggan 3.1 pekeliling ini.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.	Adakah pegawai di badan berkanun layak memohon kemudahan ini?	Pekeliling Perbendaharaan WP8.2 adalah terpakai kepada Kementerian/ Jabatan Persekutuan serta Kerajaan Negeri manakala Badan Berkanun adalah tertakluk kepada Akta Tubuhnya.
10.	Adakah tuntutan boleh dibuat sekiranya pegawai bertugas di negeri yang berlainan dengan kelab rekreasi dan sukan yang disertai? Contohnya, pegawai bertugas di Sabah manakala keahlian kelab rekreasi dan sukan di Negeri Sembilan.	Boleh. Tiada sebarang penetapan bagi lokasi keahlian kelab rekreasi dan sukan dalam pekeliling ini. Oleh itu, pegawai boleh menyertai mana-mana kelab rekreasi dan sukan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam perenggan 3 pekeliling ini.
11.	Adakah pegawai boleh memohon kemudahan ini sekiranya tugas pegawai tidak terlibat secara rasmi dengan badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).	Tidak. Kemudahan ini hanya layak dituntut oleh pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional tertakluk kepada bidang tugas pegawai yang melibatkan libat urus (<i>engagement</i>) dengan badan korporat dan NGO selaras dengan perenggan 3.2 pekeliling ini. Sehubungan itu, pegawai yang tidak terlibat secara rasmi dengan badan korporat dan NGO adalah tidak mematuhi peraturan yang melayakkan pegawai menuntut kemudahan ini.
12.	Adakah pegawai boleh memohon kemudahan ini di penempatan baharu sekiranya pegawai telah menerima kemudahan ini di penempatan terdahulu?	Tidak. Kemudahan ini hanya diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan.
13.	Adakah permohonan ini boleh diproses walaupun pembayaran yuran telah dibuat melebihi satu tahun dan tuntutan tersebut memerlukan AP58(a)?	Boleh. Tiada tempoh tertentu ditetapkan bagi tuntutan kemudahan ini. Kemudahan ini hanya diberi sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dengan kerajaan selaras dengan perenggan 3.3 pekeliling ini.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
14.	Adakah penetapan kekerapan/ bilangan/ jenis libat urus oleh pegawai-pegawai yang memohon kemudahan bantuan ini?	<p>Tiada.</p> <p>Tiada penetapan kekerapan/bilangan/jenis libat urus dalam pekeliling ini. Penetapan adalah tertakluk kepada kawalan/pelaksanaan agensi yang akan disahkan oleh Ketua Jabatan dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal.</p>
15.	Adakah pegawai yang telah bersara dan dilantik secara kontrak boleh memohon pembiayaan ini?	<p>Tidak.</p> <p>Selaras dengan Perenggan 3.1, PP WP8.2 hanya pegawai lantikan tetap yang telah disahkan perkhidmatan sahaja layak memohon pembiayaan ini.</p>
16.	Berapakah tempoh masa tuntutan kemudahan ini?	<p>Bagi pegawai yang akan bersara, pendaftaran keahlian hendaklah dibuat selewat-lewatnya 12 bulan sebelum tarikh tamat perkhidmatan. Tuntutan kemudahan ini hendaklah dikemukakan sebelum pegawai bersara.</p> <p>Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tiada tempoh had masa tuntutan. Walau bagaimanapun, tuntutan yang melebihi tahun perbelanjaan adalah tertakluk kepada kelulusan Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)].</p>

C. KUASA MELULUS

17.	Adakah kemudahan ini diberikan secara automatik?	<p>Tidak.</p> <p>Permohonan kemudahan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/ Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk pertimbangan, mengikut Pihak Berkuasa Melulus yang berkaitan.</p>
18.	Ketua Setiausaha (KSU) telah membuat permohonan kemudahan dalam pekeliling ini. Adakah permohonan ini perlu untuk dipanjangkan ke MOF sebagai Keputusan Pihak Berkuasa Melulus yang memerlukan tandatangan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)/ Pegawai Pengawal.	<p>Ya.</p> <p>Permohonan tuntutan kemudahan oleh KSU perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk mendapatkan kelulusan KSP selaku Pihak Berkuasa Melulus bagi Pegawai Pengawal selaras dengan perenggan 5.1 Pekeliling ini.</p> <p>Dokumen berkaitan perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan di alamat berikut:</p> <p>Ketua Setiausaha Perbendaharaan Bahagian Dasar Saran Dan Pengurusan Kementerian Kewangan Malaysia Aras 4, Blok Tengah, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 WP PUTRAJAYA</p>